

Allianz 



ATM SHIELD

Cover your cash withdrawal in Malaysia and overseas

Melindungi pengeluaran wang tunai anda
di dalam Malaysia dan di luar negara

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Every time you make a withdrawal at an ATM, you're reminded of the threat of...



Snatch theft



Costs of unexpected medical expenses



Loss of savings



Costs to replace your personal items

We hear you.

Let us take the apprehension off your shoulder with ATM Shield.

ATM Shield provides you with a 24-Hour cover in the event of snatch theft, attempted snatch theft, robbery and attempted robbery. This also covers a situation where your personal belongings are grabbed or attempted to be, from your moving vehicle. ATM Shield also provides compensation for cash lost due to snatch theft occurring within twenty four (24) hours of an ATM withdrawal.



Benefits



Loss of Cash Withdrawn From ATM

Reimburses for loss of cash (maximum three (3) incidents per policy year) as a result of snatch theft or attempted snatch theft occurring within twenty four (24) hours after an ATM cash withdrawal.

Loss of or Damage to Personal Effects

Reimburses up to the limit specified for replacement of the stolen or damaged personal effects as a result of snatch theft or attempted snatch theft. The items are NRIC, passport, driver's licence, credit/charge cards, ATM card, access cards for entry to buildings/parking lots, eye glasses, sun glasses, camera, house key, hand phone, wallets, purses and handbag.



Death and Permanent Disablement

Pays for death or permanent disablement as a result of snatch theft or attempted snatch theft sustained within twelve (12) calendar months from the Date of Loss.

Hospitalisation Income

Pays daily benefit for the period of hospitalisation (maximum thirty (30) days) as a result of injury due to snatch theft or attempted snatch theft. Minimum stay at the hospital is twelve (12) consecutive hours.



Medical Expenses (Plan B only)

Reimburses for medical expenses incurred as a result of injury sustained during a snatch theft or attempted snatch theft. Medical expenses shall include expenses incurred for hospital (including room and board), clinical, medical and surgical treatments (including dental correction and/or corrective cosmetic surgery), miscarriage and the cost of obtaining medical/surgical/specialist/post-mortem reports.



Benefits	Plan A	Plan B
Death/Permanent Disablement	10,000	10,000
Hospitalisation Income (up to 30 days)	50	50
Loss of Cash Withdrawn from ATM (up to maximum 3 incidents per policy year)	1,000	1,500
Loss of or Damage to Personal Effects (up to) per incident	1,000	1,000
Medical Expenses	Not Covered	1,000
Premium	50	90

This premium is subject to RM10 stamp duty and Service Tax.

Eligibility

Malaysian citizen, Malaysian permanent resident, work permit holder, pass holder or otherwise legally employed in Malaysia who are legally residing in Malaysia and who is between the ages of eighteen (18) years and seventy (70) years.

Exclusions

- (a) Any congenital defect which has manifested or was diagnosed prior to the completion of the proposal form by the Insured Person;
- (b) Any form of disease, infection or parasites and Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) or AIDS Related Complex (ARC) or Human Immunodeficiency Virus Infection (HIV);
- (c) Bacterial infection (except pyogenic infection due to accidental cut or wound), and/or any other kind of disease, and/or medical or surgical treatment (unless necessitated by injuries due to accident, which is performed during the policy cover);
- (d) Cosmetic or plastic surgery or any elective surgery;
- (e) Insanity, suicide or any attempt thereof, or intentional self-inflicted injury;
- (f) Intoxication by alcohol (above the legal limit) and/or drugs (above the legal limit) and/or substance abuse;
- (g) Ionisation, radiation or contamination by radioactivity, nuclear weapons material;
- (h) Pre-Existing Conditions;
- (i) Provoked murder or assault where such provocation was by the Insured Person;
- (j) Losses due to the order of any government, public authority, or customs' officials;
- (k) Losses that are intentionally caused by the Insured Person;
- (l) Losses that do not occur within the period of insurance;
- (m) Terrorism;
- (n) War, invasion, act of foreign enemy, hostilities (whether war be declared or not), civil war, civil commotion, rebellion, revolution, insurrection mutiny or military or usurped power, riot or act of any unlawfully established authority or uprising;
- (o) While committing or attempting to commit any unlawful act and illegal act.

Cash before Cover

It is a fundamental and absolute special condition of this Contract of Insurance that the premium due must be paid and received by the Company before cover commences. If this condition is not complied with, then this Contract of Insurance is automatically null and void.

This brochure is valid from 1 June 2023.

This brochure is for general information only and it is not a contract of insurance. The descriptions of available coverage are only a brief summary for quick and easy reference. The precise terms and conditions that apply are specified in the policy.

This brochure contains the Bahasa Malaysia translated version. In the event of any conflict of interpretation, the English version shall prevail.

This page is intentionally left blank.

Setiap kali anda membuat pengeluaran di ATM anda pasti teringat akan ancaman...



Ragut



Kos perbelanjaan perubatan yang tidak dijangka



Kehilangan simpanan



Kos untuk menggantikan barang-barang peribadi anda

Kami ada penyelesaiannya.

Biar kami hapuskan kebimbangan anda dengan ATM Shield.

ATM Shield menyediakan anda dengan perlindungan 24-Jam sekiranya berlaku kejadian ragut, percubaan ragut, rompakan atau percubaan rompakan. Ini juga merangkumi situasi di mana barangan peribadi anda dirampas atau cubaan sepertinya, daripada kenderaan yang sedang anda naiki. ATM Shield juga menyediakan pampasan bagi wang tunai yang hilang akibat diragut yang berlaku dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas anda membuat pengeluaran dari ATM.



Faedah



Kehilangan Pengeluaran Wang Tunai dari ATM

Membayar balik bagi kehilangan wang tunai (maksimum tiga (3) kejadian dalam tempoh setahun polisi) disebabkan oleh ragut atau percubaan ragut yang berlaku dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas pengeluaran dari ATM.

Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi

Membayar balik sehingga had yang dinyatakan untuk penggantian akibat dicuri atau kerosakan barangan peribadi disebabkan oleh ragut atau percubaan ragut. Barangan-barangan itu adalah kad pengenalan, pasport, lesen memandu, kad-kad kredit/caj, kad ATM, kad akses untuk masuk ke bangunan/tempat parkir, cermin mata, cermin mata hitam, kamera, kunci rumah, telefon bimbit, dompet, tas tangan dan beg tangan.



Kematian dan Hilang Upaya Kekal

Membayar untuk kematian atau hilang upaya kekal disebabkan oleh ragut atau percubaan ragut berlaku di dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Kerugian.

Pendapatan Hospital

Membayar faedah harian selama tempoh kemasukan ke hospital (maksimum tiga puluh (30) hari) akibat kecederaan disebabkan oleh ragut atau percubaan ragut. Penginapan minimum di hospital adalah dua belas (12) jam berturut-turut.



Perbelanjaan Perubatan (Pelan B sahaja)

Membayar balik bagi perbelanjaan perubatan yang ditanggung akibat kecederaan yang dialami semasa ragut atau percubaan ragut. Perbelanjaan perubatan hendaklah termasuk perbelanjaan bagi hospital (termasuk bilik dan penginapan), klinikal, rawatan perubatan dan pembedahan (termasuk pembedahan gigi dan/atau pembedahan pembaikan kosmetik), keguguran dan kos untuk mendapatkan laporan perubatan/pembedahan/pakar perubatan/post-mortem.



Faedah	Pelan A	Pelan B
Kematian/Hilang Upaya Kekal	10,000	10,000
Pendapatan Hospital (sehingga 30 hari)	50	50
Kehilangan Pengeluaran Wang Tunai dari ATM (sehingga)maksimum 3 kejadian dalam tempoh setahun polisi	1,000	1,500
Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi (sehingga) setiap kejadian	1,000	1,000
Perbelanjaan Perubatan	Tidak Dilindungi	1,000
Premium	50	90

Premium ini tertakluk kepada duti setem RM10 dan Cukai Perkhidmatan

Kelayakan

Warganegara Malaysia dan pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas pekerjaan atau bekerja secara sah di Malaysia dan menetap secara sah di Malaysia. Anda mestilah berumur di antara lapan belas (18) tahun sehingga tujuh puluh (70) tahun.

Pengecualian

- (a) Sebarang kecacatan kongenital yang terjadi atau didiagnos sebelum Orang Yang Diinsuranskan melengkapkan borang cadangan;
- (b) Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan dengan AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV);
- (c) Jangkitan bakteria (kecuali jangkitan yang bernanah akibat luka kemalangan atau lelasan) dan/atau sebarang jenis penyakit dan/atau rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali berlaku oleh kecederaan akibat kemalangan di mana ianya dilakukan ketika polisi masih berkuatkuasa);
- (d) Pembedahan kosmetik atau plastik atau sebarang pembedahan elektif;
- (e) Tidak siuman, perbuatan membunuh diri atau percubaan untuk melakukannya atau kecederaan diri yang disengajakan;
- (f) Mabuk akibat pengaruh alkohol (melebihi had yang dibenarkan) dan/atau dadah (melebihi had yang dibenarkan) dan/atau penyalahgunaan dadah;
- (g) Pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif, bahan-bahan senjata nuklear;
- (h) Keadaan Sedia Ada;
- (i) Pembunuhan atau serangan yang didorong di mana diprovokasi oleh Orang Yang Diinsuranskan;
- (j) Kerugian akibat arahan pihak kerajaan, pihak berkuasa, atau penguatkuasa kastam;
- (k) Kerugian yang dilakukan secara sengaja oleh Orang Yang Diinsuranskan;
- (l) Kerugian yang tidak berlaku di dalam tempoh insurans;
- (m) Keganasan;
- (n) Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, kekacauan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan tentera atau rusuhan atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang menyalahi undang-undang yang ditubuhkan atau kebangkitan;
- (o) Ketika melakukan atau cubaan untuk melakukan tindakan bertentangan dengan undang-undang dan tindakan jenayah.

Tunai sebelum perlindungan

Ini adalah syarat asas dan mutlak di bawah kontrak insurans ini bahawa premium mestilah dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak insurans ini adalah secara automatik terbatal dan tidak sah.

Risalah ini adalah sah mulai 1 Jun 2023.

Risalah ini bukanlah suatu Kontrak Insurans. Penjelasan tentang perlindungan yang disediakan hanyalah suatu keterangan yang ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Semua terma, faedah, syarat dan pengecualian yang dipakai terdapat dalam Polisi.

Risalah ini mengandungi terjemahan dalam versi Bahasa Inggeris. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan tafsiran, versi dan tafsiran Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

This page is intentionally left blank.
Muka surat ini adalah sengaja dikosongkan.

This page is intentionally left blank.
Muka surat ini adalah sengaja dikosongkan.

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Allianz Contact Center: 1 300 22 5542
Email: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my

